



اُيْتِمُ تِكْنُولُجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

SUKAN SANTAI KOLEJ

Nur Syamiera Narisya Rohissyam, Muhammad Aiman Mazlan & Saiful Hasbullah Abdul Majid



Pada 5 Januari 2025, program santai sukan telah diadakan di Perkarangan Parkir Kolej Mayang Selida dengan kerjasama pelajar dan staf residen kolej. Program ini dikenali sebagai Sukan Santai Kolej dan telah menarik seramai 57 peserta serta melibatkan 17 ahli jawatankuasa.

Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim antara pelajar. Selain itu, ia bertujuan memberikan peluang kepada pelajar untuk berehat dan melepaskan tekanan akademik melalui aktiviti santai yang menyenangkan. Tambahan pula, program ini memperkenalkan permainan sukaneka kepada pelajar yang mungkin belum pernah mencubanya.



Program ini turut dihadiri oleh Staf Residen Kolej iaitu Encik Tc. Saiful Hasbullah bin Abdul Majid, yang memberikan sokongan kepada semua peserta dan jawatankuasa.

Bajet yang dimohon untuk program ini adalah RM 429.00. Kelulusan bajet program ini adalah RM 242.00. Kesemua perbelanjaan yang diperuntukkan termasuk kos penyediaan bahan untuk

permainan, makanan, dan logistik lain yang diperlukan sepanjang program berlangsung.

Program ini berlangsung bermula jam 8.00 pagi dengan pendaftaran peserta. Seterusnya, pada jam 8.30 Ahli Jawatankuasa mengadakan sesi ringkas senamrobik bersama para peserta. Selepas itu, bermula sesi permainan tradisional sehingga jam 12.00 tengahari. Dalam pada itu, di adakan sesi penyampaian hadiah bagi kumpulan pemenang. Setelah tamat sesi penyampaian hadiah ia diteruskan dengan acara sesi fotografi bersama semua peserta dan AJK.



Secara keseluruhannya, Sukan Santai Kolej telah berjaya mencapai matlamatnya dengan cemerlang. Program ini telah meninggalkan impak positif, mengeratkan hubungan antara pelajar dan memberikan pengalaman baru yang bermakna.

Pihak penganjur mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan berharap program serupa dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan.

